

USAHA UNTUK MENDEKATI PELAJAR-PELAJAR DAN KOMUNITI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)

Program Mentor: 1 IPTA 1 MENTERI

Latar belakang

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 12 Ogos 2009 bersetuju agar usaha diambil untuk mendekatkan Y.B Menteri kepada pelajar-pelajar dan Komuniti Pengajian Tinggi.

Kementerian Pengajian Tinggi telah mengambil inisiatif memperkenalkan program yang dikenali sebagai Program Mentor: 1 IPTA 1 Menteri bagi memenuhi hasrat itu. Program ini menetapkan agar setiap IPTA dieperuntukkan sekurang-kurangnya satu Menteri yang akan bertindak sebagai Mentor atau keluarga angkat kepada IPTA berkenaan. Pemadanan Y.B Menteri kepada IPTA adalah dibuat berdasarkan kepada pilihan yang dibuat sendiri dan/atau ditentukan oleh kementerian Pengajian Tinggi mengikut pertimbangan tertentu termasuk latar belakang, negeri asal serta bidang utama kementerian masing-masing. (Senarai akhir pemadanan Y.B Menteri dan IPTA adalah seperti di Lampiran 1)

Kedua-dua pihak (Menteri Mentor dan IPTA) telah dimaklumkan dengan jelas aturan ini dan seterusnya perlu sentiasa memberi keutamaan untuk meningkatkan perhubungan dan kerjasama dari semasa ke semasa.

Objektif

Secara umum pemilihan satu IPTA satu Menteri dibuat bagi membolehkan setiap IPTA mempunyai sekurang-kurangnya seorang Menteri yang akan bertindak sebagai mentor atau keluarga angkat yang sentiasa mendampingi dan melibatkan diri dalam aktiviti pelajar-pelajar dan komuniti di institusi berkenaan.

Secara khususnya, program ini bertujuan untuk membuka ruang dan peluang kepada Y.B Menteri untuk:

1. Memberi tumpuan dan fokus kepada para pelajar dan warga IPTA yang menjadi universiti angkat masing-masing.
2. Mendampingi pelajar-pelajar serta warga IPTA dengan lebih mendalam dan seterusnya memahami isu yang mereka hadapi.

3. Menyokong aktiviti-aktiviti pelajar dan warga kampus melalui tajaan atau kerjasama Kementerian.
4. Mengambil inisiatif untuk memberi penerangan secara langsung atau tidak langsung terhadap polisi-polisi dan dasar-dasar kerajaan serta rasional dalam sebarang tindakan dan pendirian kerajaan terhadap isu tertentu dari semasa ke semasa.

Perlaksanaan program

Y.B Menteri adalah digalakkan untuk masuk ke kampus dan mengadakan pertemuan dan mendekati pelajar-pelajar dan komuniti IPTA secara berkala dalam sktiviti formal atau tidak formal. Pada masa yang sama pihak pelajar-pelajar dan komuniti IPTA berkenaan perlu sentiasa melibatkan Menteri mentor masing-masing dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan samada secara mendapatkan khidmat nasihat, menjadi penaung program, perasmian program atau penglibatan langsung.

Walaupun setiap IPTA telah ditetapkan seorang Menteri yang bertindak sebagai mentor atau keluarga angkat masing-masing, mereka masih boleh mendapatkan kerjasama dan penglibatan Menteri lain khasnya bagi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Menteri berkenaan.

Pengharapan Hasil Program

Setelah melaksanakan program ini adalah diharapkan pelajar-pelajar dan komuniti IPTA akan dapat:

1. Merasakan bahawa mereka sentiasa mendapat perhatian dan didampingi oleh Menteri dan pihak pemimpin kerajaan.
2. Memahami dasar-dasar dan polisi-polisi kerajaan serta rasional atas tindakan dan pendirian kerjaan terhadap isu tertentu.
3. Mengelakkan salah faham dan tanggapan negatif akibat dari jurang komunikasi antara mereka dan pemerintah negara.
4. Merasa sedar dan lebih bertanggungjawab dalam tindakan khasnya dengan memberi keutamaan terhadap soal keamanan, kesejahteraan, keharmonian demi kemajuan dan pembangunan bangsa dan Negara.

Pemanjangan Pelaksanaan

Program ini akan dipanjangkan kepada semua Timbalan-Timbalan Menteri yang juga akan dipadankan kepada IPTA mengikut proses yang sma. (**Nota:** setakat ini semua Timbalan Menteri telah dihubungi untuk memilih IPTA mengikut kesesuaian masing-masing dan pemadanan akan dilakukan oleh KPT).

Lain-lain

Program ini adalah usaha yang dilakukan oleh KPT untuk memenuhi hasrat Jemaah Menteri supaya Y.B Menteri mendekati pelajar-pelajar dan komuniti IPT yang perlu dilakukan secara berterusan. Kejayaan program ini banyak bergantung kepada sokongan semua pihak. Bahagian-bahagian dan semua pihak di KPT diminta untuk memberi kerjasama dan sokongan di mana yang perlu untuk menjayakan program ini seterusnya.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai pelaksanaan program ini bolehlah diutarakan kepada:

Prof. Dr. Raduan Che rose, Penasihat Khas kepada YBM
En. Mohd Arif bin Adenan, Pegawai Khas kepada YBM

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
November 2009

PROGRAM MENTOR: - SATU IPTA SATU MENTERI-
(Usaha Mendekati Pelajar-pelajar dan Komuniti IPT)

Bil.	Senarai Mentor	Senarai IPTA Tempatan																			
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
1	Dato' Seri Mohd. Najib Tun Hj. Abdul Razak																				
2	Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Mohd. Yassin																				
3	Dato' Seri Ong Tee Keat																		x		
4	Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon					x															
5	Tan Sri Bernard Giluk Dompok															x					
6	Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz					x												x			
7	Dato' seri Hishamuddin Tun Hussein	x				x															
8	Dato' Seri Utama Rais Yatim				x							x									
9	Tan Sri Nor Mohamed Hj. Yakcop					x															
10	Datuk Peter Chin Fah Kui										x										
11	Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie Apdal								x								x				
12	Dato' Mustapa Mohamed					x			x										x		
13	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili														x			x			
14	Datuk Douglas Uggah Embee										x			x							
15	Dato' Seri Dr. Ng Yen Yen								x			x									
16	Dato' Hj. Noh Bin Omar																				
17	Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi						x										x				
18	Dato' Shaziman Abu Mansor							x						x						x	
19	Dato' Seri Liow Tiong Lai				x																
20	Dato' Ahmad Shabery Cheek																	x		x	
21	Datuk Dr. S. Subramaniam													x							
22	Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob																	x	x		
23	Dato' Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadziah										x			x							
24	Dato' Kong Cho Ha																	x			
25	Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil	x			x																
26	Datuk Anifah Aman									x											
27	Dato' Raja Nong Chik Dato' R. Zainal Abidin																	x			
28	Sen. Mejah Jeneral Dato' Jamil Khir Baharom	x	x																		
29	Senator Dato' Sri Idris Jala									x					x						
30	Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin																				

Bil.	Nama Universiti	Bil.	Nama Universiti
1	Universiti Darul Iman Malaysia (UDIM)	11	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
2	Universiti Islam Antarabangsa (UIA)	12	Universiti Putra Malaysia (UPM)
3	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	13	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
4	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	14	Universiti Teknologi Mara (UiTM)
5	Universiti Sains Malaysia (USM)	15	Universiti Utara Malaysia (UUM)
6	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	16	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
7	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	17	Universiti Malaya (UM)
8	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	18	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
9	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	19	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
10	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	20	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)